



**GARIS PANDUAN
NORMA BAHARU PELAJAR DARUL QURAN
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tindakan dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar Darul Quran dalam usaha menjalani norma baharu di kampus Darul Quran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

LATAR BELAKANG

2. Penularan wabak Coronavirus 2019 (COVID-19) telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Dalam usaha membendung wabak ini, Kerajaan Malaysia (“Kerajaan”) telah mengisytiharkan PKP bermula pada 18 Mac 2020.
3. Setelah melalui beberapa fasa PKP, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan pelbagai garis panduan berkaitan urusan harian rakyat dengan mengambil kira langkah-langkah bagi mengawal penularan jangkitan penyakit COVID-19 dan penerapan norma baharu kehidupan.
4. Dalam usaha untuk memelihara kebajikan pelajar Darul Quran, beberapa tindakan perlu dilaksanakan bagi mengawal penularan COVID-19 di kalangan warga Darul Quran untuk memastikan persekitaran kampus yang selamat dan kondusif.

5. Justeru, Garis Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan kepada pelajar dalam menjalani norma baharu dalam kampus semasa tempoh PKP.

TAFSIRAN

6. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang berlainan:

“**pelajar**” ertinya mana-mana pelajar yang mendaftar masuk untuk belajar di Darul Quran bagi semua program pengajian.

“**pelajar menetap**” ertinya seseorang pelajar yang menetap di Kolej Kediaman Darul Quran.

“**pegawai**” ertinya mana-mana pegawai dan kakitangan Darul Quran, termasuk warden.

“**kampus**” ertinya seluruh kawasan Darul Quran.

“**waktu pejabat**” ertinya suatu tempoh bermula dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang.

“**bergejala**” ertinya simptom awal COVID-19 iaitu sama ada mengalami demam (suhu badan 37.5°C dan ke atas), batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas.

“**penjarakan sosial**” bermaksud jarak antara satu individu dengan individu lain sekurang-kurangnya satu (1) meter dalam sebarang aktiviti/urusan.

NORMA BAHARU PELAJAR

7. Pelajar dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesejahteraan diri dengan mengamalkan tabiat kebersihan yang tinggi di samping mematuhi garis

panduan yang dikeluarkan oleh KKM, MKN dan pihak Darul Quran dari masa ke masa.

8. Pelajar dikehendaki membiasakan diri dengan norma baharu dalam kampus seperti berikut:
 - 8.1 Melaksanakan **penjarakan sosial**
 - 8.2 **Tidak bersentuhan** dengan orang lain seperti bersalaman.
 - 8.3 Elakkan berada di tempat orang ramai dan sesak.
 - 8.4 Sebarang bentuk aktiviti atau urusan perlu dikawal dengan **mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat)**.
 - 8.5 Digalakkan **memakai pelitup muka** (*face mask*) terutama apabila bergejala seperti batuk, selesema atau sakit tekak.
 - 8.6 **Kerap mencuci tangan** dengan menggunakan sabun / air atau *hand sanitizer* (digalakkan memiliki *hand sanitizer* sendiri).
 - 8.7 **Mengamalkan 3W (Wash, Warn & Wear)**.
 - 8.8 Mematuhi dan menggunakan laluan pergerakan yang disediakan.
9. Pelajar digalakkan untuk menggunakan **Aplikasi MySejahtera** (dapatkan secara atas talian di *App Store* atau *Google Play Store*) bagi tujuan mendapatkan maklumat kesihatan berkaitan COVID-19 dan membantu Kerajaan dalam membendung penularan COVID-19.
10. Setiap pelajar **dikehendaki melakukan saringan gejala (pemeriksaan suhu badan) dan merekod kehadiran** dalam buku daftar atau borang yang disediakan ketika berurusan dengan mana-mana cawangan atau unit di

dalam kampus. **Sekiranya bergejala, pelajar disaran untuk mendapatkan rawatan** di mana-mana hospital atau klinik berhampiran.

11. Pelajar hendaklah melaporkan dengan segera kepada pegawai sekiranya diri sendiri atau rakan mengalami tanda-tanda demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas.
12. Segala **aktiviti riadah** atau sukan pelajar yang **melibatkan sentuhan fizikal** adalah **tidak dibenarkan**.
13. Sebarang **aktiviti pelajar di Pusat Islam Darul Quran** adalah **tidak dibenarkan, termasuk bergambar di dalam atau kawasan sekitarnya**, sehingga pihak Darul Quran mengeluarkan pemakluman lanjut. Manakala aktiviti pelajar di kawasan atau bangunan lain dalam kampus adalah tertakluk kepada arahan dan peraturan yang berkuat kuasa.
14. **Segala urusan jual beli makanan dari luar kampus**, sama ada melalui atas talian atau tempahan adalah **tidak dibenarkan**. Pelajar menetap hanya dibenarkan membeli makanan (digalakkan makanan berbungkus) dari kafeteria yang berdaftar dalam kampus sahaja.
15. Pelajar yang makan di Dewan Makan atau kafeteria perlu mematuhi aturan norma baharu seperti yang termaktub dalam Garis Panduan ini dan arahan-arahan lain yang berkuatkuasa.
16. Pelawat/ahli keluarga **tidak dibenarkan** berjumpa dengan pelajar menetap sepanjang keberadaan pelajar dalam kampus. Sekiranya terdapat urusan kecemasan, pelawat perlu mendapat kebenaran daripada pegawai Unit Kolej Kediaman atau Ketua Warden sahaja.
17. Segala aduan, pertanyaan atau urusan yang melibatkan kebajikan, kecemasan dan kesihatan hendaklah dirujuk segera kepada:

- 17.1 pegawai Unit Kolej Kediaman, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat); atau
- 17.2 ketua warden / warden bertugas (di luar waktu pejabat).

KELUAR MASUK PELAJAR

- 18. Setiap pelajar menetap terikat dengan peraturan keluar masuk kampus yang berkuat kuasa seperti berikut:
 - 18.1 permohonan keluar masuk pelajar menetap **WAJIB** dibuat dalam sistem e-kampus Darul Quran, dan tertakluk kepada kelulusan pegawai Unit Pembangunan Sahsiah & Disiplin (dalam waktu pejabat) dan warden (luar waktu pejabat).
 - 18.2 Setelah mendapat kelulusan, pelajar menetap dikehendaki **melapor diri di pos pengawal Darul Quran** ketika urusan keluar dari / masuk ke kampus **dengan mengemukakan kad matrik** kepada pengawal keselamatan **dan melakukan pemeriksaan suhu badan**.
 - 18.3 Pelajar menetap hendaklah memastikan urusan rekod daftar masuk dan keluar dalam sistem e-kampus, yang dibuat oleh pengawal keselamatan, selesai sebelum beredar dari pos pengawal.
 - 18.4 **Urusan pelajar menetap masuk ke / keluar dari kampus hanya dibenarkan** pada tarikh dan masa **mengikut jadual** yang ditetapkan dari masa ke masa.
- 19. Pelajar menetap **tidak dibenarkan outing** (seperti keluar ke pekan dan seumpamanya) sepanjang berada dalam kampus semasa tempoh PKP **dan wajib untuk berada di dalam kampus sahaja**.
- 20. Urusan keluar masuk bagi pelajar selain pelajar menetap adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak Pengurusan Darul Quran dari

masa ke masa (contohnya, Arahan Menduduki Peperiksaan Di Darul Quran), dan perlu mematuhi segala yang termaktub dalam Garis Panduan ini serta peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

21. Segala pertanyaan atau urusan yang melibatkan keluar masuk pelajar hendaklah dirujuk kepada:

21.1 pegawai Unit Pembangunan Sahsiah & Disiplin, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat); atau

21.2 warden bertugas (di luar waktu pejabat).

KENDERAAN PELAJAR

22. Pelajar **tidak dibenarkan** sama sekali **membawa kenderaan (kereta atau motorsikal)**, sama ada kenderaan persendirian atau kenderaan sewa, **ke dalam kampus**, kecuali kenderaan pelajar yang telah diberi kebenaran dan mempunyai pelekat kenderaan yang sah.

23. Pelajar menetap **dilarang** sama sekali **mendapatkan khidmat sewa pemandu kenderaan luar** (seperti prebet sapu, *Grab* dan seumpamanya) bagi apa-apa tujuan sepanjang tempoh berada dalam kampus.

24. Segala pertanyaan atau urusan yang melibatkan kenderaan pelajar hendaklah dirujuk kepada pegawai Unit Pembangunan Sahsiah & Disiplin, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat sahaja).

KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR

25. Urusan bilik kediaman pelajar adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Unit Kolej Kediaman, Cawangan Hal Ehwal Pelajar dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

26. Sebarang perhimpunan/perjumpaan dalam kalangan pelajar di bilik kediaman **tidak dibenarkan**. Pegawai bertugas akan memantau keberadaan pelajar di kolej kediaman dari masa ke masa.
27. Pelajar dikehendaki untuk sentiasa menjaga kebersihan bilik dan keselamatan harta benda dengan:
- 27.1 Memastikan kebersihan bilik masing-masing, termasuk **melakukan sanitasi sendiri** terhadap barang dan peralatan yang sentiasa disentuh seperti tombol pintu dan lain-lain.
 - 27.2 Memastikan segala kelengkapan bilik berada di tempat yang sepatutnya.
 - 27.3 Mematikan semua suis elektrik ketika tiada penghuni dalam bilik.
 - 27.4 Memastikan tingkap dan pintu bilik dikunci.
 - 27.5 Membuang sampah sarap yang ada.
28. Sebarang pertanyaan atau urusan yang melibatkan kolej kediaman pelajar hendaklah dirujuk segera kepada:
- 28.1 pegawai Unit Kolej Kediaman, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat); atau
 - 28.2 warden bertugas (di luar waktu pejabat)

TARIKH KUAT KUASA

29. Garis Panduan ini **berkuat kuasa serta merta** mulai tarikh ianya dikeluarkan dan terpakai sehingga tamat tempoh pelaksanaan PKP.

PEMBATALAN

30. Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan ini, maka Arahan & Garis Panduan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 18 Jun 2020 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

31. Garis Panduan ini terpakai kepada semua pelajar Darul Quran. Ia hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Tatatertib Pelajar Darul Quran 2015 dan arahan-arahan lain yang berkuat kuasa.

PERTANYAAN

32. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan ini, bolehlah dirujuk kepada mana – mana pegawai Cawangan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran JAKIM.

CAWANGAN HAL EHWAL PELAJAR

DARUL QURAN

JAKIM

1 Julai 2020